



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 12 Januari 2022

1.	Lelaki buta ternak 100 arnab
2.	Agro Techno Park UMK pacu pertanian moden
3.	Hanya ada telur gred C,E di Kemaman

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12.1.2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

12
lokal

Lelaki buta ternak 100 arnab

Individu OKU mampu raih pendapatan RM2,000 sebulan kongsi ilmu ternakan dengan insan senasib

Kuala Nerus

Bernain alat musik, menjadi tukang urut, menjual tisu atau makanan ringan di tempat awam merupakan antara cara biasa orang kurang upaya (OKU) carat penglibatan mencari rezeki berseusuan dengan keupayaan mereka yang terhad.

Berbeza dengan Mohd Fauzi Mansor, 50, yang buta kedua-dua matanya mencebar diri untuk keluar dari zon selesa itu dengan mengeburkan diri dalam bidang perternakan arnab sejak dua tahun lepas, setelah yakin dengan potensi cerah dalam industri berkenaan.

Mohd Fauzi juga juara pelajar Persatuan Orang-Orang Cacat Penglibatan Islam Malaysia (Pertis) Wilayah Terengganu berkata pada awalnya beliau kurang yakin dengan kemampuan dirinya untuk menguruskan ternakan itu kerana mempunyai masalah penglibatan.

"Namun, setelah mendengar sendiri perenungan daripada beberapa ahli Persatuan Perternakan Arnab Terengganu, barulah saya berani memulakan langkah dengan memelihara tiga ekor arnab sebagai percubaan," katanya di rumahnya di Seberang Takir, Kuala Nerus.

kaedah perternakan unik iaitu dengan merujuk tarikh yang ditandakan pada setiap arnab peliharaannya agar dapat memantau perkembangan haiwan berkenaan dengan lebih mudah dan sistematik.

"Data yang akan direkod ialah seperti tarikh mengawan, tarikh lahir dan tarikh cerai susu," katanya.

Memandangkan Mohd Fauzi tidak dapat melihat, setiap arnab akan dimasukkan ke dalam sangkar bersama nombor rujukan khas untuk memudahkannya me-

ngenal pasti identiti haiwan tersebut.

Kini, beliau mempunyai lebih 100 ekor arnab ternakannya dengan pendapatan lebih RM2,000 sebulan dan sudah berkontribusi kelebihan ternak arnab dengan OKU cacat penglibatan yang lain agar mereka juga mampu berdiri seperti.

Mohd Fauzi berkata seekor anak arnab boleh dijual pada harga RM150 hingga RM180, manakala arnab dewasa berharga lebih RM500 bergantung pada baka dan saiz haiwan berkenaan.

"Setakat ini, enam ahli Pertis sudah mula menternak arnab dan kami sentiasa mengajurkan kursus perternakan dengan modul lengkap seperti pemilihan spesies arnab, jenis sangkar, pemakanan yang berkualiti dan cara membela arnab yang sempurna untuk mendapatkan anak yang berkualiti."

"Setakat ini jualan bulanan sekitar RM2,000 dan saran saya adalah lebih ramai OKU penglibatan menjadi ejen jualan untuk meningkatkan pendapatan mereka," katanya ketika ditemui.



ANTARA arnab yang dternak Mohd Fauzi.

"Selain menjadi tukang urut, kami berharap lebih ramai ahli Pertis yang akan berminal menceluri ternakan arnab ini kerana modalnya tidak terlalu besar dan sistem penjagaannya juga tidak begitu rumit," katanya yang turut menggunakan khidmat seorang ahli Pertis untuk membantu menjaga haiwan tersebut secara sepenuh masa.

Seorang lagi OKU penglibatan, Aziz Musa, 53, yang turut menternak arnab mencipta kelainan dengan menghasilkan minyak urut saraf yang dihasilkan daripada lemak arnab.

"Sayang mengetahui khasiat minyak lemak arnab ini kerana ia sebahagian daripada perawatan Islam. Lemak dicampur dengan raman rempah ratu yang lain, rami tukang urut saraf dan refleksologi yang menggunakan minyak urut tersebut sangat berpuas hati dengan kesannya."

"Saya menjualnya dalam dua saiz botol iaitu 100 mililiter (ml) pada harga RM100 dan 60 ml pada harga RM15,"

"Setakat ini jualan bulanan sekitar RM2,000 dan saran saya adalah lebih ramai OKU penglibatan menjadi ejen jualan untuk meningkatkan pendapatan mereka," katanya ketika ditemui.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12.1.2022	UTUSAN MALAYSIA	GAYA PERTANIAN	22

Gaya PERTANIAN



UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 11 JANUARI 2022

21

Agro Techno Park UMK pacu pertanian moden

LADANG ternak kambing menggunakan sistem IoT di ATP, UMK Jeli.



DR. CH'NG HUCK YEOH

Oleh TOREK SULONG
utsan.mediamedia.com.my

DEMI merealisasikan strategi pemindahan ilmu kepada rakyat, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengorak langkah mewujudkan Agro Techno Park (ATP). ATP adalah inisiatif UMK untuk menerapkan kemahiran keusahawanan dan teknikal kepada warga UMK serta masyarakat setempat. Ia adalah platform yang mampu memacu sektor pertanian sekaligus menjana ekonomi berdasarkan pertanian.

Berkongsi maklumat dengan *Utusan Malaysia*, Pengarah ATP UMK, Dr. Ch'ng Huck Yeoh berkata, selain aktiviti bercucuk tanam, ia turut mencakupi bidang keusahawanan yang mana antara lain bertujuan meningkatkan sumber pendapatan universiti dan ekonomi penduduk setempat.

Katanya, penduduk khususnya petani berdaya maju diberi peluang mendapat khidmat nasihat daripada pakar.

"Aktiviti di ATP boleh dijadikan model selari dengan fungsiannya sebagai gedung ilmu tani."

*Penubuhan ATP adalah platform terbaik dalam penjanaan pendapatan dengan memberi fokus dalam

aktiviti pertanian yang diurus tadbir di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang diketuai oleh Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah,* katanya.

Secara keseluruhan ATP mempunyai kawasan seluas 48 hektar yang terdiri daripada dua blok pertanian iaitu ATP UMK Bachok dan ATP UMK Kampus Jeli.

ATP katanya berperanan membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi semua fakulti di UMK dan usaha ini sudah dilaksanakan sejak 10 tahun lalu dengan menyediakan kemudahan tapak atau infrastruktur bagi tujuan penyelidikan kepada pelajar dan pensyarah di UMK.

*ATP turut merancang

membangunkan infrastruktur pertanian untuk rujukan pelajar, staf dan masyarakat secara Showcase of Agricultural Technology, memberi bantuan khidmat nasihat dan latihan teknikal dalam bidang pertanian," katanya.

Dr. Ch'ng yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) berkata, pada masa kini ATP UMK Kampus Jeli telah membangunkan tapak Germplasm Durian terbesar di Kelantan.

Tapak ini, tambahnya dibangunkan dengan plot komersial durian dari pelbagai varieti seperti Musang King, Duri Hitam dan IOI.

Bersambung di muka 22



TIMUN melon madu yang sudah membawa hasil di ATP, UMK Jel.



TAPAK projek hidroponik membabitkan kos agak tinggi namun menjanjikan hasil lebih baik.

Dari mulai 21

Ia akan dikomersialkan untuk tujuan penjanaan pendapatan universiti pada masa akan datang.

"ATP turut berjaya menanam sebanyak 31 jenis germplasm durian termasuklah D200 Durian Hitam, D175 Udang Merah, D168 IOI, D164 Ang Rak dan sebagainya.

"Projek ini berpotensi menjadikan UMK sebagai satu pusat rujukan dan penyelidikan utama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia kepada agensi dan para penyelidik lain," ujarnya.

KOMPONEN PERTANIAN

Komponen pertanian lain seperti tanaman sayur-sayuran menggunakan sistem NFT (*Nutrient Film Technique*) dan sistem fertigasi, nurser penjualan pokok serta tumbuhan hiasan serta ternakan haiwan turut dibangunkan di situ.

Penanaman menggunakan teknologi NFT adalah suatu 'kaedah di mana tanaman berakar tumbuh pada lapisan air baja yang tipis. Ia sentiasa mengalih sehingga tanaman dapat memperolehi cukup air baja tanaman dan oksigen.

Kaedah itu katanya, meringankan kerja penyelenggaran proses penanaman berbanding kaedah tanaman atas tanah yang melibatkan membajak tanah, merumpai dan menyiram.

Walaupun teknologi itu membabitkan kos yang tinggi namun ia menjanjikan pulangan lebih baik.

Dr. Ch'ng berkata, ATP turut mengusahakan tanaman rock melon menerusi sistem fertigasi yang mampu meningkatkan penyeronan



SEBAHAGIAN kebun fertigasi yang diusahakan di ATP, UMK Jel.



SISTEM NFT suatu proses penanaman sayur yang menjimatkan masa dan tenaga manusia.

dan penggunaan sumber nutrien oleh tanaman dengan lebih efisien serta dapat mengurangkan risiko larut resap nutrien yang biasa berlaku jika ditanam di atas tanah.

TERNAKAN HAIWAN

ATP turut menternak baka kambing terbaik dan berkualiti iaitu spesis baka Boer, Jamnapari dan Samnem.

Koleksi ternakan kambing pembaka berkualiti sekali lagi menjadikan ATP sebagai ladang ternak istimewa dan mampu menyediakan peluang untuk tujuan kajian pelajar UMK untuk tujuan pembelajaran.

Dr. Ch'ng berkata, di samping itu, ATP turut bekerjasama dengan Fakulti

Industri Asas Tani UMK dalam pembangunan sistem IoT (*Internet of Things*) untuk tujuan tanaman dan ternakan kambing.

Sistem IoT, yang terdapat dalam kandang kambing mampu mengawal suhu dengan membuka kipas-kipas dalam kandang secara automatik apabila suhu sekeling menjadi panas.

Penggunaan sistem ini, mampu membantu dalam pengoperasian pembekalan air dan cahaya kepada kambing-kambing dalam kandang.

"ATP yang berpaksikan perkembangan ilmu juga menyediakan tapak untuk pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan kepada pelajar prasiwazah dan pascasiswazah," ujarnya.

Sementara itu, katanya suatu kajian penyelidikan padi dijalankan di atas plot penyelidikan ATP bertujuan mengkaji kesan hasil inovasi baju dalam mempertingkatkan keberkesanannya pembebasan dan penyerapan nutrien oleh tumbuhan padi.

"Plot ini mampu memberi peluang kepada para pelajar untuk mengadakan hand-on secara kendiri, supaya mereka dapat menerap dan mengaphakisikan ilmu teknikal di bidang pertanian yang sebenar selain daripada proses pembelajaran secara teori dalam kelas."

"Selaras sesu tanaman, pelajar dikehendaki mengual hasil tanaman mereka atau memproses hasil tanaman mereka kepada produk baru untuk penjanaan pendapatan," katanya.

Ia membolehkan pelajar mendalami ilmu keusahawanan dan inovasi dengan lebih lanjut, setara dengan konsep UMK yang berasaskan keusahawanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12.1.2022	UTUSAN MALAYSIA	Dalam Negeri	31

Hanya ada telur gred C, E di Kemaman

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

KEMAMAN: Bekalan telur gred A di daerah ini yang terputus sejak tiga minggu lalu memaksa para peniaga menjual gred C dan E sahaja.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, bilangan telur gred A amat terhad di kebanyakan premis kedai runcit dan pasar di Chukai di sini.

Seorang peniaga, Suhaimi Ahmad, 58, berkata, sepanjang tempoh terputus bekalan itu, jualan telur di kedainya di Pasar Besar Chukai hanya membabitkan gred E.

Katanya, walaupun risau telur bergred rendah itu tidak dibeli pelanggan, namun dia tiada pilihan lain bagi memastikan bekalan telur sentiasa ada.

"Kebiasaannya, saya memilih telur gred A kerana ia menjadi pilihan pertama pelanggan tetapi, sekarang terpaksa jual gred E untuk meneruskan perniagaan," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Zarul Azkar, 51, berkata, keadaan itu sekali gus menyebabkan dia terpaksa mengeluarkan modal tinggi bagi mendapatkan sepanas telur gred A yang kini berharga RM13.50 berbanding RM12 sebelumnya.



SUHAIMI Ahmad menunjukkan telur gred E yang dijual di kedainya selepas terputus bekalan gred A sejak tiga minggu lalu di Pasar Besar Chukai, Kemaman. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK

"Jika ada telur gred A, kita terpaksa jual hingga 50 sen sebiji berbanding sebelum ini hanya 40 sen. Sebenarnya, tak untung mana pun jual telur, tetapi itu sahaja punca rezeki kami sebagai peniaga," katanya.

Bagi penjual kuih, Sabrina Azhar, 45, dia terpaksa menggunakan telur gred C atau E untuk

membuat hidangan itu, berikutan sukar mendapat bekalan telur gred A.

"Saya terpaksa menggandakan jumlah telur dalam adunan contohnya untuk kuih sekaya, hanya memerlukan lapan telur gred A tetapi kini mencecah 12 telur jika menggunakan gred C dan E," katanya.